

**RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN**  
**NO. RAYUAN TRK (J) 2-2015**

**FAKTA KES**

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 5 Ogos 2008. Mengikut Lesen Cukai Jualan (Borang JKED No. 3), Perayu menjalankan aktiviti perniagaan mengilang perabot kayu untuk pejabat, dapur dan bilik tidur.
2. Pada 22 Jun 2012, Pengarah Kastam Negeri, Negeri Sembilan telah mengeluarkan Bil Tuntutan di bawah seksyen 30 Akta Cukai Jualan 1972 menuntut Perayu membayar cukai jualan sebanyak RM150,322.67 dan penalti sebanyak RM75,161.33 yang dikira sehingga tarikh 28 Mei 2012.
3. Perayu dibenarkan membuat bayaran secara ansuran bulanan selama 36 bulan pada tarikh yang telah ditetapkan. Tarikh bayaran ansuran pertama pada 24 Oktober 2012. Tarikh bayaran terakhir pada 24 September 2015. Berdasarkan rekod pembayaran, Perayu telah membayar ansuran bulanan sehingga 24 April 2014. Justeru itu pada 18 Disember 2014, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Negeri Sembilan telah mengeluarkan Bil Tuntutan menuntut Perayu membayar baki ansuran yang tertunggak.
4. Pada 9 April 2015 Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam terhadap keputusan Pengarah Kastam Negeri, Negeri Sembilan di dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012. Di dalam Notis Rayuan, Perayu memohon remedii berikut:
  - i. Supaya Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012 dibatalkan.
  - ii. Pulang balik amaun cukai dan penalti yang telah dibayar.

5. Perayu berpendapat Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012 patut dibatalkan kerana kegagalan Perayu membayar cukai jualan adalah disebabkan Perayu telah diberikan nasihat yang salah oleh pegawai JKDM sendiri. Mengikut Perayu pada akhir tahun 2008 atau awal tahun 2009, Perayu telah membayar cukai jualan pada kadar 5% berdasarkan nasihat pegawai JKDM, Negeri Sembilan. Selepas itu iaitu pada awal tahun 2010 (Februari 2010) Perayu berhenti membuat bayaran cukai jualan juga berdasarkan nasihat pegawai JKDM, Negeri Sembilan di mana pegawai tersebut telah memberitahu Perayu bahawa aktiviti pengilangan Perayu tidak dikenakan cukai jualan.

## **ISU**

1. Adakah keputusan Pengarah Kastam Negeri, Negeri Sembilan di dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012 merupakan keputusan Ketua Pengarah Kastam (KPK) bagi maksud pemfailan rayuan di bawah seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972.
2. Pelanjutan masa untuk pemfailan rayuan di mana Notis Rayuan difaiklan dengan kelewatan 2 tahun 8 bulan dan 18 hari. Di bawah seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972, rayuan terhadap keputusan KPK hendaklah difaiklan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi bertulis keputusan KPK diterima.
3. Kewajipan membayar cukai jualan dan penalti yang tertunggak sebelum pendengaran rayuan selaras dengan kehendak Peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007.
4. Sama ada tuntutan cukai jualan dan penalti di dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012 adalah sah di sisi undang-undang.

(Rayuan ini ditetapkan untuk sebutan pada 6 Mei 2015. Semasa prosiding sebutan pihak Responden telah mengemukakan bantahan atas dua isu awalan. Pertama, Perayu sepaututnya membuat rayuan terhadap keputusan Pengarah Kastam Negeri, Negeri Sembilan dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Jun 2012 kepada Ketua Pengarah Kastam sebelum memfailkan rayuan di Tribunal. Ini adalah selaras dengan kehendak seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972. Kedua, mengikut Peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007 Perayu dikehendaki membayar amaun cukai jualan dan penalti yang dituntut sebelum pendengaran rayuan. Seterusnya Responden memohon Tribunal membatalkan rayuan Perayu. Perayu berhujah balas dengan menyatakan Perayu tidak tahu tatacara pemfailan rayuan di Tribunal dan rayuan difailkan atas nasihat pejabat Pengarah Kastam Negeri, Negeri Sembilan)

## **KEPUTUSAN**

Rayuan dibatalkan dan Perayu dinasihatkan untuk memfailkan rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam.

6 Mei 2015